

ASEAN bergerak berlandaskan kepemimpinan bersama — Dr. M

UM - 7 OCT 2003

BALI 6 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ASEAN bergerak berlandaskan kepemimpinan bersama dan tidak ada seorangan pemimpin dalam pertubuhan itu yang lebih atau kurang daripada pemimpin lain.

Perdana Menteri menegaskan pemimpin ASEAN secara bersama membentuk kepemimpinan dan saling bekerjasama dalam sebuah kumpulan negara bebas.

"Tiada seorangan dari sebuah negara boleh mengetuai sebuah kumpulan.

Sudah pasti semua pemimpin boleh memberi pandangan, mungkin ia berguna mungkin tidak. Saya tidak mempunyai kebimbangan mengenai ASEAN," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Dr. Mahathir ditanya mengenai bentuk kepemimpinan ASEAN pada masa depan selepas pengunduran dirinya dari kerajaan memandangkan beliau merupakan tokoh yang membawa suara rantau ini.

Sementara itu, semasa ditanya oleh wartawan asing sebelum sidang akhbar berkenaan, Dr. Mahathir menekankan bahawa

ASEAN telah diletakkan pada asas yang kuat dan tiada apa yang perlu dibimbangnya.

Terdahulu Dr. Mahathir yang tiba di Bali petang ini untuk menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN ke-9 yang bermula esok membuat kunjungan hormat ke atas Presiden Megawati Sukarnoputri selaku tuan rumah.

Beliau turut menerima kunjungan hormat Perdana Menteri Myanmar, Jeneral Khin Nyunt dan Setiausaha Agung ASEAN, Ong Keng Yong.

Pada sidang akhbar berkenaan, Dr. Mahathir turut ditanya rancangannya selepas bersara dan sambil ketawa beliau menjelaskan dirinya mahu berehat dan menikmati percutian.

"Dan jika ada yang menjemput saya berucap seperti tadi, saya diminta untuk bercakap, saya lakukan. Itu yang akan saya lakukan," katanya merujuk jemputan Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan ASEAN petang ini yang memberinya penghormatan dengan memintanya menyampaikan ucapan. —

Utusan